

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD DI UPACARA PEMBUKAAN STESEN SATELIT BUMI KUANTAN 2-A

PAHANG DARUL MAKMUR, 13 NOVEMBER 1988

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang Darul Makmur; Yang Berhormat Datuk Leo Moggie, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Rashdan Baba, Pengerusi Syarikat Telekom Malaysia Berhad; Yang Berhormat-Yang Berhormat; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Stesen Satelit Bumi Kuantan 2-A ini. Peristiwa hari ini menandakan selangkah lagi ke arah kemajuan teknologi terbaru yang dapat dimiliki dan dinikmati oleh rakyat negara kita.

2. Stesen Satelit Kuantan 2-A ini amat besar faedahnya dalam bidang komunikasi antara Malaysia dan seluruh dunia. Melalui Stesen ini dan juga Stesen-stesen lain yang ada di merata tempat di Malaysia, kita dapat mengadakan perhubungan telekomunikasi dengan hampir seluruh negara lain di dunia, dan begitu juga sebaliknya. Stesen ini adalah yang terbaru dan sangat sofistikated. Oleh itu kemudahan telekomunikasi yang kita nikmati daripadanya tentulah sangat pantas dan bermutu tinggi.

3. Bagi pihak Kerajaan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad atau STM kerana berjaya membina dan memasang Stesen Satelit Bumi Kuantan 2-A ini. Kejayaan STM membina Stesen ini sangatlah besar ertinya kepada seluruh rakyat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kejayaan ini lebih-lebih lagi membanggakan kita semua kerana pembinaan Satelit ini dilakukan setelah Kerajaan menswastakan perkhidmatan telekomunikasi. Dengan lain-lain perkataan, projek raksasa seperti Stesen Satelit Bumi ini dapat dikendalikan oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Kerajaan berharap kejayaan STM ini akan meyakinkan rakyat bahawa dasar penswastan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang adalah suatu dasar yang sihat dan akan membawa kebaikan kepada semua pihak.

5. Dengan terlaksananya penswastan sebuah agensi penting seperti Jabatan Telekom, bukanlah niat Kerajaan untuk membenarkan pihak swasta mengaut sebanyak-banyak keuntungan daripada para pengguna. Kebimbangan seperti itu tidak patut timbul. Sebagaimana yang kita tahu, syarikat swastapun tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengenakan kadar perkhidmatan yang tidak berpatutan kerana ini akan membawa akibat yang buruk kepada sesuatu perniagaan itu sendiri.

6. Harga perkhidmatan telekomunikasi yang tinggi akan menghalang para pelabur asing daripada membuka pusat operasi mereka di negara kita. Kadar harga yang tinggi juga tidak menggalakkan pertambahan jumlah pelanggan. Kedua-dua faktor ini akan merugikan perkembangan ekonomi dan sosial negara sendiri.

7. Saya berasa amat sukacita kerana walaupun dengan penswastaan Jabatan Telekom kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad, kita terus dapat menikmati perkhidmatan telekomunikasi yang termurah di dunia. Demikian juga, mutu dan jenis-jenis perkhidmatan telekomunikasi yang kita nikmati sekarang adalah hampir sama moden dan sofistikated dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di negara-negara yang maju.

8. Antara kemudahan termaju yang dinikmati oleh orang ramai ialah perkhidmatan Antarabangsa Terus Dail atau ATD yang membolehkan pengguna menghubungi 115 buah negara di seluruh dunia. Sehingga sekarang terdapat 105,203 pengguna telefon ATD dan jumlah itu terus meningkat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa bermula dari hari ini, STM telah menambah 50 buah negara lagi yang dapat dihubungi melalui perkhidmatan Antarabangsa Terus Dail, dan dengan itu jumlah negara-negara yang boleh dihubungi terus kini menjadi 165 buah. Ini adalah satu lagi bukti kecekapan pihak swasta memberi mutu perkhidmatan yang cekap dan baik kepada semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kejayaan dasar penswastaan dalam industri telekomunikasi akan meningkatkan lagi keyakinan Kerajaan untuk melaksanakan penswastaan dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain yang kini masih ditadbirkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Selama ini, campurtangan Kerajaan di dalam sektor ekonomi Malaysia adalah difikirkan terlalu besar dan meluas. Sewaktu negara baru merdeka dan mula merancang pembangunan, campurtangan seperti itu memang dianggap wajar. Walau bagaimanapun, setelah 31 tahun negara merdeka dan sedang kita mengalami tahap-tahap perkembangan ekonomi yang memuaskan, Kerajaan berpendapat, sudah sampai masanya sektor swasta diberi peranan yang lebih besar dalam kegiatan ekonomi negara. Ini tidak bermakna dasar penswastaan akan dilaksanakan tanpa perancangan yang terperinci. Sebaliknya, ia akan terus diawasi dengan teliti bagi menjamin kejayaannya.

10. Di kalangan negara-negara yang mengamalkan ekonomi bebas, Malaysia adalah salah satu negara yang mempunyai paling banyak campurtangan Kerajaan di sektor ekonomi. Oleh itu tidaklah hairan jika nisbah beban pentadbiran yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia adalah jauh lebih besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

11. Negara-negara lain yang selama ini telah mengamalkan ciri-ciri pengurusan seperti kita sudah lama dan lebih awal dari kita menyemak semula dasar-dasar mereka. Negara-negara itu mendapati bahawa penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan dan industri-industri tertentu yang selama ini dimiliki dan diurus

oleh Kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah kerugian yang besar dan seterusnya dapat membawa keuntungan kepada industri itu.

12. Kita di Malaysia akan memerhatikan kejayaan-kejayaan serta kegagalan-kegagalan dasar-dasar dan kaedah-kaedah penswastaaan yang dijalankan di negara-negara lain supaya pengalaman negara-negara itu dapat dipelajari dan dicontohi untuk membolehkan Malaysia melaksanakan dasar penswastaaan kita dengan baik dan berhasil.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1987 telah menunjukkan kejayaan yang dijangkakan. Walaupun banyak lagi yang dapat diperbaiki oleh STM, kejayaan setahun dua yang lepas harus dijadikan unsur galakan untuk kejayaan yang memuaskan pada tahun-tahun tahun yang akan datang. Kerajaan berharap STM akan terus berusaha meningkatkan perkhidmatan dan industri telekomunikasi di Malaysia. Kemajuan di sektor ini adalah penting dalam menentukan kejayaan kita membangunkan industri-industri lain dan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi sangat bergantung kepada minat para pelabur dalam negeri dan luar negeri melabur di Malaysia dan salah satu faktor yang menentukan minat mereka ialah kecekapan dan mutu perkhidmatan telekomunikasi yang terdapat di negara ini.

14. Langkah Kerajaan menswastakan industri telekomunikasi adalah untuk menggalakkan pertumbuhan pesat industri ini dan sekaligus menambah daya tarikan kepada para pelabur asing untuk datang ke Malaysia. Dalam konteks ini langkah STM membina Stesen Satelit Kuantan ini adalah sangat bersesuaian dengan hasrat Kerajaan.

15. Kerajaan beranggapan industri telekomunikasi ialah sektor hadapan atau forerunner bagi program industrialisasi negara. Berdasarkan anggapan itu maka wajarlah Kerajaan memilih industri ini sebagai sektor yang pertama diswastakan, dengan harapan kemajuan yang terhasil melalui penglibatan sektor ini akan dapat mempercepatkan kemajuan dan pembangunan dalam sektor-sektor lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada STM kerana menjemput saya ke upacara perasmian hari ini. Saya berharap kakitangan STM akan terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang tinggi di masa-masa hadapan.

17. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Stesen Satelit Bumi Kuantan 2-A ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.